

Mutiara Motors terus cemerlang

Oleh Arif Nizam Abdullah
bisnes@utusan.com.my

JOHOR BAHRU. 8 Mei – Mutiara Motors Sdn. Bhd. (Mutiara Motors) terus mencatatkan pencapaian yang menggalakkan dalam perniagaan kereta mewah import apabila berjaya menjual 236 buah kereta sehingga 1 Mei lalu.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Ahmad Kemin berkata, jumlah itu menghampiri jualan keseluruhan kereta import yang dibawa masuk syarikat pada tahun ini sebanyak 327 buah kereta di sebalik terdapatnya ketidak-tentuan keadaan ekonomi.

Beliau berharap dapat mengulangi kejayaan syarikat pada tahun lalu apabila habis menjual semua kereta import mewahnya sebanyak 279 buah kereta, dua bulan lebih awal daripada sasarannya iaitu pada bulan Oktober.

Katanya, secara purata pada tahun ini, Mutiara Motors menjual kereta import antara 60 hingga 80 buah sebulan.

“Rahsia kejayaan jualan syarikat ialah harga kereta yang mengikut keperluan pasaran. Kami tidak meletakkan harga terlalu tinggi dan untuk menarik pelanggan kerana harga di bawah RM300,000 adalah kadar yang bersesuaian.

“Selain itu, tindakan syarikat mengamalkan budaya kerja orang Jepun juga menyumbang kepada peningkatan apabila menyediakan layanan bertaraf lima bintang kepada pengunjung walaupun mereka hanya datang ke bilik pameran semata-mata untuk melihat kereta,” kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas meninjau kerja-kerja akhir pembinaan ibu pejabat baru Mutiara Motors bernilai RM20 juta di Larkin di sini hari ini.

Ibu pejabat setinggi empat tingkat itu yang memiliki bilik pameran seluas dua tingkat akan memulakan operasi sepenuhnya pada Sabtu ini.

Bertempat di kawasan berkeluasan 0.5 hektar, bangunan itu juga berfungsi sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memajukan produk alat ganti kenderaan serta minyak kegunaan pelbagai jenis enjin berkuasa sederhana dan tinggi.

Ketika ini, Mutiara Motors merupakan pemegang permit import (AP) dan juga wakil pengedar kereta Toyota.

Ahmad berkata, ibu pejabat baru itu dijangka dapat meningkatkan pertumbuhan



IBU pejabat Mutiara Motors yang baru sedia menerima pelanggan mulai Sabtu ini.

perniagaan syarikatnya melebihi 50 peratus pada masa akan datang.

Katanya, dua buah bangunan terdahulu iaitu bangunan lima tingkat di Jalan Tebrau yang juga ibu pejabat pusat jualan serta sebuah pusat jualan Toyota di Plentong akan dijadikan pejabat cawangan syarikat.

“Bangunan baru ini mampu memberi ruang selesa kepada pelanggan kerana selain ruang pameran, ia turut dilengkapi dengan kemudahan 3S iaitu jualan, servis dan alat ganti bagi memudahkan pelanggan kami menerima khidmat terbaik daripada Mutiara Motors,” katanya.

Ditanya langkah kerajaan yang sedang mempertimbangkan beberapa opsyen untuk memperbaiki dasar pemberian AP termasuk kemungkinan memansuhkan dasar semasa dan menggantikannya dengan dasar yang lebih komprehensif, Ahmad berharap, satu kajian yang mendalam dapat dilakukan sebelum sebarang keputusan muktamad dilaksanakan.

Ini kerana jika AP dimansuhkan, beribu

pekerja akan hilang pekerjaan manakala nasib usahawan bumiputera pula akan berdepan dengan masalah bankrap, tambah beliau.

“Saya bersetuju jika pindaan AP ini bertujuan membetulkan sikap usahawan bumiputera dalam industri ini yang tidak jujur dalam perniagaan mereka,” katanya.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Tun Mahathir berkata, beberapa opsyen untuk memperbaiki dasar pemberian AP sedang dipertimbangkan termasuk kemungkinan memansuhkan dasar semasa dan menggantikannya dengan dasar yang lebih bersepadu.

Beliau berkata, perbincangan mengenainya sedang dijalankan supaya mekanisme terbaik dapat diguna pakai dalam menyelesaikan isu AP yang kerap menjadi kontroversi.

Mukhriz berkata demikian berikutan desakan pelbagai pihak supaya dasar pemberian AP lebih terbuka.